

KESENIAN KEBANGSAAN MALAYSIA: SATU RENUNGAN TERHADAP PELESTARIAN DAN CABARAN

*Profesor Madya Datuk Zainal Abidin Borhan
Jabatan Sosio-Budaya Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya*

MUKADIMAH

Tajuk ini perlu dibincang dari beberapa sudut yang dapat membantu dan menelusuri persoalan kesenian kebangsaan Malaysia, dan cuba pula menelaah persoalan cabaran yang dihadapi. Makalah ini akan berusaha membincang konsep dan falsafah seni – seni yang indah; kesenian kebangsaan di Malaysia; struktur, bentuk dan pengisian kesenian kebangsaan Malaysia; dan cabaran-cabaran yang sedang dan bakal dihadapi.

SENI YANG INDAH

Semenjak manusia pertama diturunkan ke bumi, dia menemui tiga hal penting tentang kehidupannya, iaitu kebenaran, kebaikan dan keindahan. Mencari yang benar menghasilkan ilmu, dan dengan ilmulah manusia menemui kebenaran. Mencari yang baik menghasilkan akhlak dan dengan akhlaklah manusia diukur atau dinilai. Mencari yang indah menghasilkan seni, dan melalui segala aktiviti kesenian manusia menemui keindahan.

Seni merupakan pernyataan, pengungkapan atau ekspresi rohaniah atau batiniah manusia, yang tergabung pula dengan aspek luaran atau jasmani yang datang dari kemampuan akal serta budaya manusia untuk menyatakan tentang keindahan. Seni lahir dari aspek dalaman manusia yang mendorong kecenderungan seniman kepada yang indah, walaupun apa pun jenis keindahan itu, sama ada bahasa, perlakuan dan penciptaan atau karya yang pelbagai ragam dan bentuk. Rasa seni adalah rasa keindahan.

Dorongan dalaman atau **rasa** dan keperluan kepada yang indah merupakan naluri, fitrah dan keadaan semula jadi yang dianugerah Tuhan kepada manusia.

Tuhan menganugerah potensi atau kemampuan ini kepada manusia untuk menikmati dan mengekspresi keindahan. Iaitu ekspresi yang sesuai dengan fitrah manusia yang inginkan **kedamaian, kerukunan, keseimbangan** dan **keserasian**. Seimbang dan serasi adalah salah satu nilai keindahan, yang sesuai dengan cita rasa moral, akhlak dan kemampuan akal manusia.

Dengan kata lain, manusia memerlukan seni yang **sopan, beradab, halus** dan bukannya yang kasar dan biadab, kerana kekasaran dan kebiadaban bukan sifat dan perilaku manusia. Kesopanan, kehalusan dan adab adalah sifat semula jadi manusia sesuai dengan sifatnya sebagai wakil Tuhan di bumi, yang ditugaskan memakmurkan bumi ini.

Seni adalah pengucapan dan manifestasi dari fitrah manusia, dan begitu jugaalah akhlak, budi, moral, juga merupakan fitrah manusia. Jika terdapat sesuatu yang bercanggah dengan nilai fitrah manusia, akan ditolak oleh manusia. Nilai seni yang mendukung kesucian jiwa, hati nurani manusia, mendukung nilai adab, sopan dan akhlak manusia, merupakan nilai yang dapat diterima manusia.

Kemampuan berseni adalah kemampuan yang membezakan manusia dengan makhluk lain. Makhluk lain tidak mampu menggunakan akal-budi dan hati-budinya, untuk mencipta, melahirkan, berkarya mengenai sesuatu yang indah, cantik, halus, seimbang, serasi, tersusun untuk dinikmati, ditonton dan digunakan.

Dari awal dinyatakan bahawa seni itu fitrah, ia (seni) sudah sedia ada di dalam diri manusia. Manusia sebagai sebaik-baik kejadian dianugerahkan akal dan kalbu (hati). Manusia berinteraksi dengan alam nyata; dan alam nyata memberikan idea untuk manusia berkarya. Dari alam manusia memperolehi pelbagai prinsip atau asas kesenian. Alam disusun, ditata dan dihias dengan pelbagai keindahan. Keindahan alam yang seimbang dan tersusun, serasi, berpasangan, saling melengkapi, mendorong dan mencetus manusia untuk berkreativiti. Keindahan alam yang dijadikan Allah bukan sahaja membuktikan kemahabesaranNya tetapi juga kemahaindahanNya. Kefitrah manusia terhadap keindahan, kecantikan, kehalusan, dan kesenian adalah pancaran sifat dzat Tuhan kepada manusia. Manusia menggunakan akal budinya untuk menikmati keindahan, kecantikan, kehalusan dan kesenian.

Kejayaan seni terhasil dari gabungan akal, kalbu dan kesan interaksi manusia terhadap alam yang mewujudkan siratan akal, kalbu dan alam (**akal-kalbu-alam**), untuk manusia berkarya dan berkreativiti. Manusia mencari dan mendapat ide berkarya dari alam untuk memenuhi keperluan kemanusiaannya; untuk mengungkap rasa kagum terhadap seluruh kejadian Tuhan; sama ada melalui hasil kerja (artifeks), atau **mentifeks**, melalui bahasa, puisi atau prosa, dan melalui pelbagai gerak serta olahan jiwa raganya seperti seni tari, seni lagu dan seni muzik. Olahan dan penataan inilah menyebabkan manusia berkarya, bukan sekadar memenuhi tuntutan fitrahnya, tetapi juga memenuhi keperluan **psyche** atau jiwanya; lalu seni adalah pengucapan kemanusiaan terhadap yang indah-indah dan yang halus.

Jika seni dikatakan suatu yang abstrak, maka pendapat tersebut barangkali kurang tepat, kerana seni adalah produk manusia dan kemanusiaan. Jika seni dikatakan sebagai artifeks budaya, walaupun aspek yang non-material, juga barangkali kurang tepat. Seni adalah **mentifeks**, satu produk akal kesan dari kreativiti manusia serta kemanusiaan. Gabungan kerja dan karya akal-kalbu-alam menghasilkan kerja dan karya kesenian. Seni bukan sesuatu yang memberahikan atau erotis, walaupun seni boleh disalahgunakan sehingga jadi alat pemberahan. Erotisme atau keberahanan bercanggah dengan nilai fitrah seni itu sendiri, iaitu nilai cantik, halus dan indah serta beradab, di samping bercanggah dengan pancaran sifat dan dzat Tuhan itu sendiri.

Temasya alam jadi indah oleh tanggapan rasa kesenian disebabkan olahan manusia. Bahan alam dihias, diolah oleh penciptaan budi dan rasa, sehingga

memuaskan daya tangkap dan cerapan manusia. Yang indah ialah apa yang dilihat atau didengar, di rasa dan dinilai sebagai baik, benarlah kata Melayu, yang indah itu bahasa, yang cantik itu budi.

Kesenian memiliki satu sifat dan fungsi sosial yang cukup penting iaitu memanusiakan diri manusia. Kecenderungan insan menerima nilai yang indah dalam segala bidang seni rupa, seni lukis, seni pahat, bangunan, grafik, seni suara, seni tari, seni sastera, seni berbahasa, drama dan lain-lain aspek seni. Peranan seniman berkarya mengolah kerja seni kerana kepentingan dan keperluan kemanusiaan.

Seniman seperti sasterawan berkarya dengan menggunakan bahasa sebagai wadah dan wahana kesusasteraan. Setiap kata, frasa dan ayat dipilih, dikonstruksikan dengan nilai estetika sesuai dengan kebijaksanaan penataan akal-kalbu-alam, sehingga memberikan kesan emosi, keseronokan serta kepuasan kepada penikmat sastera. Alam yang penuh dengan fakta dialogik, dialektik lagi struktural tentang kebahagiaan dan kesengsaraan; keseronokan dan derita nestapa; keadilan dan ketidakadilan, kebenaran dan kepura-puraan; keganasan dan kehalusan; materialisme dan kesederhanaan hidup; ketidakimanan dan ketakwaan; dunia dan akhirat, semuanya ditata dan diolah ibarat dua darjah yang berbeza di dalam karya sastera. Penataan sedemikian adalah sebagai pencarian akan kebenaran kewujudan diri manusia.

KESENIAN KEBANGSAAN MALAYSIA

Persoalan Kesenian Malaysia ini bersamaan dengan persoalan Kebudayaan Malaysia, Bangsa Malaysia dan Tamadun Malaysia. Pada tahun 2007, Malaysia akan menyambut 50 tahun kemerdekaannya. Apakah persoalan tamadun Malaysia, Kebudayaan Malaysia, Kesenian Malaysia, pembentukan bangsa Malaysia akan terjawab.

Persoalan kesenian Malaysia dan kebudayaan Malaysia bertalian atau bersiratan dengan persoalan pengwujudan bangsa dan tamadun Malaysia. Persoalan ini perlu di hurai dengan melihat sejarah penubuhan Malaysia, di samping cuba menghurai persoalan semasa dan cuba meramalkan hubungan masa lalu dengan masa kini dan kaitannya dengan masa akan datang.

Tamadun Malaysia yang sering disebut-sebutkan sekarang, tidak wujud di dalam satu vakum. Ia ada asas sejarah. Tamadun Malaysia tidak terbina pada 1957 atau 1963 semasa Persekutuan Tanah Melayu atau Persekutuan Malaysia terbentuk. Malaysia sebagai satu politi (wilayah politik) merupakan lanjutan dari satu politi Melayu yang pernah wujud di zaman sejarah, yang kemudiannya bersatu di bawah Persekutuan Malaysia.

Sebagai satu politi atau negara yang berdaulat dan merdeka, kerajaan Malaysia berusaha untuk mewujudkan satu negara bangsa (*nation-state*) Malaysia dan satu bangsa Malaysia melalui pelbagai rekayasa sosio-budaya, sosio-politik dan sosio-ekonomi. Maka Dasar Pendidikan Kebangsaan dirangka untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang terdidik di dalam satu sistem pendidikan kebangsaan, yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.

Dikanunkan di dalam Perlembagaan Malaysia bahawa Bahasa Melayu adalah **Bahasa Kebangsaan** dan penggunaan bahasa/dialek kaum-kaum lain tidak halang. Agama Islam juga dimaktubkan sebagai **agama rasmi negara**; dan agama serta kepercayaan lain tidak dihalang untuk dianuti oleh orang bukan Melayu.

Imej atau citra rakyat Malaysia perlu diwujudkan. Maka oleh kerana itu **Dasar Kebudayaan Kebangsaan** (1971) menjelaskan bahawa Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berasaskan budaya masyarakat asal rantau ini, menerima sistem nilai yang baik dari kaum-kaum lain, dan Islam menjadi asas penting di dalam

dasar tersebut. Dasar ini juga tidak menghalang perkembangan budaya sukuan dan kaum-kaum lain di negara ini.

Kerajaan telah merangka dan membentuk pelbagai dasar untuk membentuk bangsa Malaysia. Pada tahun 1970, selepas dua tahun peristiwa 13 Mei 1969, dirangka ideologi negara yang dikenali sebagai RUKUNEGARA. Dari peristiwa 13 Mei 1969 juga dibentuk Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Terakhir sekali, iaitu pada 21 Februari 1991, selepas pelancaran Rancangan Jangka Panjang Pembangunan II, diumumkan Wawasan 2020, yang bermatlamat untuk membentuk satu bangsa Malaysia yang maju industrialise, saintifik demokratik, liberal, memiliki kekuatan spiritual, dalam acuannya sendiri tanpa meniru orang lain.

Segala tapak, asas **foundation** telah diwujudkan untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia. Di samping asas-asas tersebut Malaysia sungguh beruntung kerana dianugerahkan Tuhan para pemimpin yang bertanggungjawab sehingga rakyat Malaysia dapat hidup dengan aman, sejahtera, menikmati pembangunan material, kestabilan politik dan menikmati kesejahteraan sosial, lantaran para pemimpin kita mengutamakan kepentingan rakyat daripada kepentingan peribadi melalui musyawarah nasional di Parlimen.

Jika rakyat Malaysia sifatnya homogen (satu bangsa atau kaum sahaja) barangkali agak mudah untuk melaksanakan pembentukan kesenian kebangsaan Malaysia, tetapi, rakyat Malaysia sifatnya heterogen (pelbagai atau majmuk), maka persoalan kesenian kebangsaan Malaysia perlu dilihat dengan cukup teliti. Namun seluruh falsafah matlamat dan tujuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan perlu dirujuk dan wajib menjadi panduan, di samping pembentukan kesenian kebangsaan Malaysia itu tidak bercanggah dengan seluruh semangat dan jiwa Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Matlamat utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan, ialah untuk mengukuhkan perpaduan kebangsaan; dan tujuan utamanya pula ialah untuk mewujudkan identiti atau jati diri keperibadian kebangsaan, di samping mengurangkan pengaruh asing yang tidak sesuai dengan peradaban atau ketamadunan bangsa Malaysia.

Panduan, dasar, matlamat dan tujuan Dasar Kebudayaan Kebangsaan menjadi asas untuk merangka kesenian kebangsaan Malaysia. Dengan bahasa yang paling mudah, kesenian kebangsaan Malaysia hendaklah berdasarkan kesenian rakyat asal wilayah ini, kerana wilayah ini sudah termaktub dari segi sejarah, arkeologi, linguistik dan antropologi adalah wilayah budaya manusia Malayo-Polinesia lebih tepat lagi wilayah budaya ini adalah wilayah budaya Melayu (the Malay Cultural Area - the Malay Archipelago). Setiap unsur kesenian hendaklah dimajukan sesuai dengan tarafnya sebagai pengucapan kesenian kebangsaan.

Kesenian Kebangsaan Malaysia juga secara demokratis menerima kewujudan kesenian suka-kaum lain; untuk dikembangkan dan dimajukan sesuai dengan kedudukan mereka sebagai warganegara Malaysia.

Jika terdapat acara rasmi di peringkat kebangsaan; penampilan, imej, citra atau pengucapan kebangsaan yang perlu ditonjolkan dan diperagakan ialah pengucapan kesenian kebangsaan, bukannya imej sukuan atau kauman. Citra kebangsaan inilah yang sewajarnya menjadi citra khas untuk mewujudkan keperibadian dan identiti Malaysia.

STRUKTUR, BENTUK DAN PENGISIAN KESENIAN KEBANGSAAN MALAYSIA

Sebelum ditinjau apakah struktur dan bentuk kesenian kebangsaan Malaysia, sewajarnya terlebih dahulu dilihat pembahagian bidang kesenian itu

sendiri. Bidang kesenian pertama ialah **seni tampak** atau seni rupa, yang meliputi seni-hias, seni-tekstil, seni anyaman, seni-ukiran dan arsitektur, kedua ialah **seni persembahan**, yang meliputi seni suara, seni tari, seni muzik, seni lakon, seni pentas, persembahan agama atau kepercayaan (perubatan). Ketiga, ialah **seni sastera**, yang meliputi puisi (lisan dan tulisan), prosa (lisan dan tulisan), seni berbahasa, dan seni tulis.

Setiap aspek seni yang dinyatakan di atas bukan sahaja pernyataan kesyifahan, memiliki adab, memiliki nilai keindahan, yang tertaut di dalam seluruh pernyataan yang simbolik. Seperti bahasa sebagai contoh, bukan sahaja indah, ada adab dan kesantunannya, bahasa juga adalah pernyataan simbolik lantaran setiap ayat adalah tanda yang memiliki elemen simbolik.

Struktur terpenting yang mengikat setiap aspek seni, ialah keindahannya. Keindahan adalah struktur pokok atau teras, manakala di dokong pula oleh unsur kehalusan adab dan sifat fitrahnya. Setiap persembahan kesenian hendaklah memiliki unsur keindahan jika tidak indah, tidak dipersembahkan dengan adab atau sopan dan kesantunan yang sesuai dengan fitrah manusia, maka kerja atau karya seni bukan seni sebenar yang hakiki.

Persembahan yang bermuansa erotis dan sensasi tidak tergolong di dalam kategori seni yang indah, halus beradab dan fitrah. Jika setiap pergerakan, digerakkan dengan gaya erotis, penuh kekasaran, tidak beradab, tidak sesuai dengan fitrah manusia, tidak dapat tergolong sebagai satu kerja seni.

Bentuk kesenian kebangsaan Malaysia seperti yang dijelaskan di atas tergolong daripada seni tampak atau seni rupa, seni persembahan dan seni sastera. Bentuk ini mestilah serasi, sejajar dengan pengucapan yang sesuai dengan asal-usul masyarakat rantau ini, atau sesuai dengan fitrah semulajadi alam rantau ini.

Bentuk kesenian tersebut mestilah asli serasi dengan pengucapan semula jadi rantau ini, bukannya bercampur-aduk, ditempel atau ditampal dengan unsur-unsur asing. Kesenian kebangsaan Malaysia adalah ciptaan dan kreativiti rakyat Malaysia yang faham akan roh dan semangat Malaysia itu, bukannya roh dan semangat yang asing yang diimport dari luar.

Di dalam rangka pengisiannya pula, perlu dilihat dari dua sudut; iaitu dari sudut kebangsaan dan antarabangsa, dan kedua dari sudut lokal atau setempat. Dari sudut kebangsaan dan antarabangsa kesenian yang perlu ditampilkan ialah kesenian yang berasal dari masyarakat asal rantau ini, bukannya kesenian yang tidak berasal dari daerah ini.

Sebagai contoh seni sastera, sudah tentu seni sastera kebangsaan ialah seni sastera yang ditulis, diungkap di dalam bahasa Melayu. Pertumbuhan dan perkembangan seni itu berlaku ratusan tahun lalu sehingga ke hari ini. Seni sastera ini bukan sahaja ditulis untuk memenuhi keperluan kemanusiaan dari segi keindahan dan faedahnya, tetapi juga memiliki nilai kerohanian yang tinggi. Pengucapan sastera di peringkat antarabangsa dan kebangsaan perlu menampilkan sastera yang diucap dan diungkap dalam bahasa kebangsaan.

Di peringkat lokal atau setempat, usaha perlu dibuat untuk menggali, memulihara dan menghidupkan kesenian lokal tersebut. Bakat-bakat baru perlu dilatih supaya dapat mengganti seniman dan seniwati serta sasterawan terdahulu. Setiap negeri atau daerah perlu ada pusat pengembangan dan persembahan untuk melatih bakat-bakat baru.

Pusat-pusat ini perlu ditadbir oleh penggiat dan birokrat seni yang terlatih lagi profesional. Latihan terbaik secara profesional akan menjamin kualiti serta mutu kesenian para penggiat kesenian itu sendiri. Di samping itu, di setiap negeri di Malaysia perlu memajukan kesenian negerinya, agar tertampil identiti dan jati diri negeri tersebut. Keseluruhan jati diri tersebut akan menyumbang kepada pembinaan jati diri kesenian kebangsaan Malaysia. Jika Sabah terkenal dengan Kulintangan dan

tarian Sumazauanya, maka sewajarnya Kulintangan menjadi jatidiri kesenian Sabah. Setiap negeri ada jati diri kesenian seperti Johor dengan zapin dan ghazal; Melaka dengan Dondang Sayang, Pulau Pinang dengan Boria, Kelantan dengan Dikir Barat, Pahang dengan Joget Gamelan, Joget Pahang dan Gendang Pahang.

KESENIAN KEBANGSAAN MALAYSIA DI ABAD KE-21

Saya tetap berkeyakinan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) perlu dilanjutkan ke Abad Ke-21. Maka oleh kerana itu kesenian kebangsaan Malaysia mestilah diselaraskan, serasi dan sesuai dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, kerana matlamat dan tujuannya cukup jelas iaitu untuk membentuk perpaduan nasional dan mewujudkan satu keperibadian kebangsaan.

Namun kita perlu menyedari bahawa perubahan akan terus berlaku di dalam kedinamikan hidup manusia. Kekhuatiran kita ialah jika perubahan yang dibawa membawa kehancuran kepada perpaduan kaum. Walaupun landasan Wawasan 2020 cukup kuat dan baik untuk pembentukan bangsa Malaysia, namun kita khuatir jika hidup rakyat Malaysia penuh dengan usaha untuk mengejar materialisme, akan turut membantutkan pencapaian kesenian kebangsaan Malaysia yang halus, indah, sopan dan fitrah.

Segala usaha ini memerlukan '*cultural engineering*' atau **rekayasa budaya** yang bersungguh-sungguh oleh pemerintah (*state*) melalui *state functionaries*nya (birokrat) untuk merancang, membangun dan memajukan kesenian kebangsaan Malaysia. Dasar-dasar liberal kerajaan yang diamalkan sekarang akan turut membantutkan pertumbuhan kesenian kebangsaan Malaysia. Misalannya, terdapat suara-suara halus yang berpendapat bahawa sastera kebangsaan Malaysia bukanlah sastera berbahasa Melayu, Sastera berbahasa Melayu adalah sastera perkauman. Menurut mereka Sastera Kebangsaan mestilah menempatkan sastera yang ditulis di dalam bahasa Inggeris. Begitu juga ada yang menulis dalam akhbar sekarang penampilan seni tari, seni muzik dan seni teater kebangsaan di Istana Budaya mestilah diungkapkan di dalam pelbagai budaya dan bukannya seni tari, seni muzika, seni teater Melayu sahaja. Pentadbir Istana Budaya dituduh mengamalkan dasar perkauman. Pendapat-pendapat seperti ini amat dialu-alukan kerana negara ini mengamalkan dasar demokrasi tetapi mereka ini nampaknya dangkal dari segi sejarah dan pensejarahan Malaysia. Sejarah cuma wujud sebagai memori sosial sahaja, bukan wadah konkret yang menyumbang kepada pembinaan sebuah negara merdeka lagi berdaulat.

Kesenian Kebangsaan Malaysia di Abad Ke-21 akan menghadapi cabaran globalisasi yang datang dan muncul melalui pelbagai media. Teknologi maklumat mudah masuk ke ruang tamu dan kamar tidur. Setiap rakyat Malaysia akan terdedah kepada pengaruh globalisasi cita rasa dan kualiti hidup rakyat akan berubah, begitu juga citra kesenian mereka. Pengaruh globalisasi dan teknologi maklumat akan menjadikan hidup mereka lebih individualistik dan tidak komunalistik. Rakyat boleh mendapat hiburan secara peribadi dan individual. Jati diri mereka akan lebih mengutamakan pencapaian individu bukannya komunal atau negara. Sikap dan sifat individualistik ini barangkali tidak mudah untuk menikmati kesenian kebangsaan, mereka memiliki **rational-choice** untuk membuat pilihan terhadap jenis kesenian yang disukai. Globalisasi dan teknologi maklumat akan meleburkan sempadan negara, dan wilayah geografis dan wilayah politik. Sempadan sudah tidak punya erti, yang bererti ialah kualiti kepuasan peribadi.

CABARAN TERHADAP KESUSASTERAAN KEBANGSAAN MALAYSIA

Kesusasteraan Kebangsaan wajib ditulis di dalam bahasa Melayu, kerana itulah bahasa kebangsaan negara ini seperti yang termaktub di dalam perlembagaan. Kenyataan ini tidak boleh dipersoalkan lagi; mempersoalkannya adalah satu penghinaan terhadap satu proses sejarah yang membina sebuah negara merdeka lagi berdaulat.

Pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa pengucapan sastera kebangsaan di negara ini adalah isu yang berbeza dengan menterjemah karya terbaik berbahasa Melayu ke dalam pelbagai bahasa untuk diketengahkan ke peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan isu sastera Malaysia yang banyak diperkatakan, yang perlu memberi ruang kepada sastera berbahasa Inggeris, berbahasa Mandarin dan Tamil atau bahasa suku-suku lain yang ditulis oleh rakyat Malaysia. Kita tidak menghalang tulisan-tulisan tersebut asalkan ia tidak bercanggah dengan roh dan semangat perlembagaan negara ini yang telah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan Malaysia.

Di sebalik isu tersebut di atas, yang saya kira sudah selesai, lantaran setiap rakyat seharusnya menerima keluhuran dan kedaulatan Perlembagaan negara ini, terdapat isu lain yang sewajarnya dipertimbangkan oleh sasterawan muda Malaysia amnya dan sasterawan muda Melayu khasnya, iaitu persoalan usaha mempertingkatkan mutu penulisan sastera tersebut. Ini tidak bermakna selama ini mutu karya tidak baik, kesemua sasterawan negara, pemenang hadiah **SEA Writer's Award**, pemenang pelbagai hadiah sastera di tanah air telah melahirkan karya yang cukup bermutu dan dibanggakan. Namun tugas sasterawan generasi muda ialah berusaha untuk mengekalkan mutu tersebut malah mempertingkatkannya.

Alam dan persekitaran sosiobudaya Malaysia mencetuskan pelbagai ide, fakta, fenomena, untuk dijadikan bahan untuk berkreativiti dan berkarya. Segala penderitaan, ketidakadilan, kepura-puraan, ketidakbenaran, kerakusan, ketamakan, penyalahgunaan kuasa boleh diolah dan ditata sebagai bahan berkreativiti. Sasterawan boleh mengungkapkan suara rakyat yang tertindas, suara batin diri yang tercari-cari kewujudan dan keberadaannya; suara keyakinan terhadap kemampuan diri; dan sebagainya.

Barangkali suara rakyat, lebih menarik diolah dari suara seorang elit kuasa atau elit ekonomi untuk kepentingan politik dan ekonomi. Namun suara pencarian diri elit ekonomi dan kuasa terhadap jati dirinya juga boleh diolah sehingga lahir pergulatan antara diri dan kesengsaraan rakyat. Realiti, fakta dan fenomena sosial perlu diselidiki dengan mendalam agar terungkap fiksyen melalui bahasa yang indah-indah.

Seorang sasterawan adalah seperti seorang sutradara filem, seperti Tok Dalang Wayang Kulit, yang perlu mengolah bahannya dengan kebijaksanaan menggunakan segala potensi intelek yang dimiliki. Daya renungan perlu kuat dan mendalam. Seorang sutradara perlu menggabungkan segala potensi jalan cerita, pergerakan, warna, penataan bunyi, muzik, lakonan dan sebagainya untuk menghasilkan filem sebagai karya seni. Seorang Tok Dalang perlu menggunakan kebijaksanaan berceritanya. Seorang sasterawan pula perlu mengolah fakta dengan segala potensi intelek, memilih kata, frasa dan ayat yang sarat makna lagi dialogik.

Ada sasterawan memerikan karyanya secara diskriptif, bertele-tele, menghitam-putihkan secara kausal, ada yang bermonolog, ada yang mengungkap sejarah untuk berdialog dengan masa kini, ada yang futuristik, ada yang menggunakan persoalan kebatinan dan ketaqwaan serta pelbagai teknik untuk menyatakan dan menggambarkan karya. Manusia sastera adalah penyambung, menyampaikan persoalan lahir-batin manusia melalui karya mereka. Maka berkaryalah demi kemanusiaan dan ketuhanan.

CABARAN BUDAYA POPULAR

Ada beberapa fenomena yang menarik dilaporkan di dalam media sekarang, seperti *reality show* Akademi Fantasia dan secara tiba-tiba Mawi juara AF3 dalam sekelip mata telah amat popular hangat sehingga kerajaan Kelantan mengundang beliau. Media memainkan peranan besar tentang Mawi. Mawi dikatakan sebagai *hero baru Melayu, ikon baru Melayu*. Semua orang memperkatakan tentang Mawi, dari istana ke warung kopi dan ke kamar tidur, dari ulama, menteri ke rakyat terbanyak. Ini adalah kejayaan media massa, dan media elektronik membuat perasaan orang ramai.

Bagaimanakah kita ingin mentafsir fenomena ini dari sudut ilmu pengetahuan dan kebudayaan? Apakah ini cara hidup dan cara berfikir atau pandangan dunia rakyat Malaysia? Apakah keutamaan kita, hiburan dan sensasi atau proses pengilaman dan pendidikan? Atau kesemuanya disalut dalam satu pakej oleh pihak media. Kesemua ini menuntut satu pemikiran yang mendalam.

Hiburan, sensasi, *reality show* adalah antara kebijaksanaan para pemain dan *functionaries* media menggabung pelbagai unsur untuk dinikmati oleh para penikmat media. Hiburan seperti ini adalah salah satu daripada perkembangan industri budaya popular (popular culture) yang tumbuh berkembang di kalangan masyarakat kelas pekerja. Dengan kebijaksanaan pemain dan pemodal media serta industri yang mengutamakan kepentingan ekonomi maka hiburan dapat dijadikan modal untuk mengaut keuntungan. Media, industri budaya popular dan ekonomi kapitalis telah bersatu mengutip keuntungan dari keperluan kebudayaan massa. Gabungan kerjasama ini dapat dikesan dalam semua bidang media sama ada media cetak maupun media elektronik.

Media Moghul, kelas pengusaha (kapitalis) dan kelas penguasa (politik) barangkali bekerjasama untuk mencipta atau merekonstruk hiburan supaya dapat dinikmati oleh massa. Hiburan yang dilihat taboo pada sesetengah pihak pada suatu masa lalu, kini digunakan sebagai daya tarikan untuk mendapat simpatian baru dalam dunia kuasa politik khasnya di kalangan generasi muda. Hiburan sebagai suatu rekonstruksi dapat memainkan peranan sebagai suatu representasi pemikiran dan kebudayaan dari kalangan kelompok atau kelas tertentu.

Dengan kata lain, promosi yang hebat melalui media, elemen kesenian yang lain yang mengrepresentasi budaya tinggi (*high culture*) seperti teater di Istana Budaya, Philharmonic Orchestra di Dewan Philharmonic Petronas barangkali kurang diminati, cuma diminati oleh kelas tertentu dalam masyarakat atau ditonton oleh peminat khas. Budaya popular yang dari sejarah muncul dari kalangan kelas pekerja yang dikatakan dari budaya rendah (*low-culture*) atau budaya rakyat (*mass culture*) terus berkembang lantaran adanya promoter yang memajukannya seperti *the media moghul* dan pengusaha industri. Selera hiburan direkonstruksi oleh mereka dan masyarakat memilih yang sesuai dengan selera mereka. Lalu apakah selera ini yang bakal menjadi asas atau teras pengucapan kesenian kebangsaan Malaysia.

Permasalahan kesenian dan kebudayaan bukan setakat persoalan budaya popular sahaja, tetapi ia adalah usaha keseragaman dunia oleh kuasa budaya Barat melalui ilmu pengetahuan, teknologi dan hiburan. Barat khasnya Amerika sebagai satu kuasa sosio-budaya-ekonomi-politik sedang dan telah berusaha mengseragamkan dunia melalui tindakan-tindakan tersebut. Apa yang disebut sebagai *the MacDonaldization of culture* sedang berlaku di seluruh dunia. Hiburan dari Eropah, Britain dan Australia tidak sehebat keupayaan Hollywood Amerika, walaupun pengaruh Bollywood sedang melanda daerah lain.

Imej Barat secara kultural adalah imej maju, *industrialised*, moden rasional, saintifik, berbanding dengan imej lain seperti Timur yang mundur,

tradisional, *mythical* dan sebagainya. Maka begitu juga dipercayai oleh sesetengah pihak bahawa berbahasa Inggeris juga dilihat maju, moden, saintifik dan rational.

Selain daripada itu, di samping usaha menghomogenkan dunia, Barat juga menyebarkan persoalan kemajmukan kebudayaan atau pluralisme budaya atau multi-kulturalisme, mengiktiraf kewujudan budaya sukuan, etnik dan wilayah. Seiringan dengan promosi pluralisme, Barat juga melontarkan kepada dunia akan persoalan hak asasi manusia (*human rights*) dan *individual liberalism*. Barat mencipta dunia, *reconstruct the world*, dan juga berjaya mewujudkan pelbagai pemikiran yang mengrepresentasi dunia.

Namun jika ditelusuri sejarah, sebelum segala persoalan pascamoden ini timbul, Barat juga turut mencipta dunia melalui ide-ide moden lain seperti *nationalism*, *nation-state*, *industrialization*, *colonialization*, *imperialism*, *urbanization*, *colonization* dan *capitalism*, dan sebagainya, di samping dunia difragmentasi kepada dunia ketiga, negara mundur, negara membangun dan negara maju.

Bagaimanakah sebuah negara yang kecil seperti Malaysia mahu bertahan secara kultural untuk terus kekal di dalam kejatidiriannya. Ke arah mana pula peranan kita semua, iaitu institusi ilmu di dalam persoalan kejatidirian tersebut.

KESIMPULAN

Sebagai sebuah negara berdaulat Malaysia yang merdeka pada 31 Ogos 1957 pada waktu itu sedang mencari *national character*nya. *National character* tersebut tidak mungkin diwarisi dari *the Malayan character* yang diwujudkan oleh British yang mengutamakan budaya asing dari budaya anak negeri. British sendiri memberi impak yang dahsyat dari segi ekonomi sehingga muncul dualisme ekonomi antara ekonomi moden bandar yang industrial yang dikuasai oleh British dan imigran, manakala ekonomi tradisi yang berasaskan tani yang dikerjakan oleh penduduk luar bandar yang rata-rata Melayu. Dari segi pendidikan juga dualistik, adanya pendidikan Inggeris dan vernakular. Sedangkan selepas merdeka, walau pun adanya Penyata Pelajaran A. Razak (1956) dan Penyata Pelajaran A. Rahman Talib (1960) yang mencadangkan satu sistem pendidikan kebangsaan, tetapi sistem pendidikan masa masih lagi bilingual, mengutamakan sekolah Inggeris berbanding sekolah vernakular lain. Apatah lagi seluruh birokrasi pemerintahan dan governans masih lagi British. Tuntutan kejatidirian termasuk isu kesenian yang berpaksikan wilayah kebudayaan Melayu sudah berlaku lama melalui tuntutan para inteligensia Melayu sama ada yang terdidik sekolah agama, sekolah Melayu dan Inggeris. Tumbuhnya semangat kebangsaan Melayu (*Malay Nationalism*) adalah suatu tuntutan watan atau ibu pertiwi berbanding nasionalisme Cina yang berkiblatkan ke Sun Yat Sen atau Mao tse-tung, mahupun nasionalisme India yang berkiblatkan Nehru dan Chandra Bose.

Akhbar dan majalah memainkan peranan yang cukup penting menggerakkan kesedaran kebangsaan Melayu. Media pada masa itu meniup obor semangat untuk pemerintahan sendiri dan merdeka. Benedict Anderson berpendapat bahawa *the imagined community* dijangka tercapai melalui *print-nationalism* dan *cultural nationalism*. Media cetak, novel, cerpen dan puisi digunakan menggembangkan suara kemerdekaan.

Sewaktu pendudukan Jepun, British telah berusaha mengerak penentangan terhadap Jepun melalui Partai Komunis Malaya dan lain-lain pergerakan Cina sama ada di Malaya atau di Singapura (Syonan-to), di samping membantu MPAJA (Malayan Peoples's Anti Japanese Army). PKM bercita-cita menubuhkan sebuah Republik Komunis Malaya. Selepas Jepun mengaku kalah, PKM (Bintang Tiga) berarak keluar dari hutan dan menganiaya orang Melayu yang dituduh menyokong

Jepun. Gagasan Malayan Union (1946) juga sebagai usaha untuk mengekalkan identiti dan kebudayaan Malayan ciptaan British dan manafikan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan orang Melayu. Penyatuan dan perpaduan rakyat Melayu menentang Malayan union memberi kesedaran dahsyat terhadap kesatuan kemelayuan lanjutan dan sejarah *Malay Nation* yang panjang. Média cetak khasnya akbar juga radio dan media elektroniks terus memainkan peranan sesuai dengan kejatidirian tersebut.

Pada tahun 1970 beberapa tindakan kultural dilakukan untuk memberikan karakter nasional Malaysia melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara dan Dasar Bahasa Kebangsaan. Seluruh pendekatan tersebut adalah tindakan untuk pembinaan bangsa (*nation-building*) yang berteraskan kepada kebudayaan kesenian dan bahasa masyarakat asal rantau ini.

Hubaya, Hubaya kita perlu berusaha melalui pendidikan, proses sosialisasi dan proses pembudayaan agar di hati nurani rakyat Malaysia ada perasaan cinta dan kasih kepada bangsa dan tanah air sendiri. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Kesepadan tekad antara ahli politik, birokrat, perancang kebudayaan, pendidik, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat terbanyak perlu dilakukan agar jati diri dan keperibadian bangsa Malaysia tidak terjerumus ke lembah kehancuran, iaitu dihancurkan dari dalam oleh rakyat Malaysia sendiri. Kita juga tidak mahu segala khazanah seni dan budaya cuma jadi tontonan di Muzium dan galeri seni pada abad-abad mendatang, atau kita Cuma dapat menonton khazanah seni kita di tempat orang.

Kita perlu perkuatkan kekuatan jati diri dan keperibadian. Kita khuatir tanpa disedari kita terperangkap di dalam imperialisme kebudayaan dan kesenian orang lain. Ancaman imperialisme kebudayaan akan dilakukan dengan menyerang dari dalam, di antaranya melalaikan kita agar tidak kenal kesenian dan budaya sendiri; dipesonakan dengan pesona dunia, sehingga tercabut akar umbi budaya kita. Kita akan cuma kenal budaya dan seni sendiri melalui kaca-kaca muzium. Maka hilanglah keperibadian kita. Rakyat Malaysia sahajalah yang akan menentukan masa depan mereka.